

Syor naik gaji polis dipertimbang

**Dr Mahathir ulas
permohonan Ketua
Polis Negara
mengenai status gaji
anggota PDRM**

NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador supaya gaji anggota polis berpangkat rendah dinaikkan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan meneliti perkara itu.

"Saya fikirkan (permintaan supaya gaji anggota polis berpangkat rendah dinaikkan)," katanya pada sidang media selepas selesai mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di Perdana Putra di sini se-



Dr Mahathir (tengah) semasa sidang media yang turut dihadiri Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali (kiri) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

malam. Beliau berkata demikian mengulas permohonan Abdul Hamid agar gaji, logistik dan keperluan anggota polis berpangkat rendah diberi keutamaan dalam usaha meningkatkan integriti pasukan itu.

Katanya, gaji yang diperoleh anggota berkenaan daripada sarjan ke bawah adalah rendah dan tidak mampu menampung kos sara hidup terutama bagi mereka bertugas di bandar-bandar besar. Menurut Hamid, dengan cara itu sahaja dapat meningkatkan gaji kumpulan tersebut dan mengurangkan risiko rasuah serta goaan-godaan melakukan kesalahan an ugut orang lain untuk mendapatkan duit dapat diukur.